



Polisi

# Purchase Price Gap

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Berjaya Sampo Insurance atau PIDM (layari [www.pidm.gov.my](http://www.pidm.gov.my)).

**Berjaya Sampo Insurance Berhad**  
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)  
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank,  
105, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.  
Talian Bebas Tol: 1-800-889-933  
Tel.: 03-2170 7300  
E-mel: [customer@bsompo.com.my](mailto:customer@bsompo.com.my)  
Laman Web: [www.berjayasompo.com.my](http://www.berjayasompo.com.my)

Lihat untuk  
lebih banyak produk



PPG0424

# Isi Kandungan

<b>NOTIS PENTING .....</b>	<b>3</b>
<b>PERJANJIAN ANTARA KITA.....</b>	<b>4</b>
<b>KEWAJIPAN PENDEDAHAN.....</b>	<b>4</b>
<b>DEFINISI .....</b>	<b>4</b>
<b>APA YANG AKAN KAMI LINDUNGI .....</b>	<b>7</b>
<b>KELAYAKAN UNTUK DIINSURANSKAN.....</b>	<b>8</b>
<b>PENGECUALIAN TERTENTU .....</b>	<b>8</b>
<b>PENGECUALIAN AM .....</b>	<b>9</b>
<b>FASAL-FASAL/JAMINAN/ENDORSMEN .....</b>	<b>9</b>
<b>BAGAIMANA POLISI ANDA BOLEH DIBATALKAN.....</b>	<b>9</b>
<b>SYARAT-SYARAT TUNTUTAN.....</b>	<b>10</b>
<b>BAGAIMANA KAMI AKAN MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA .....</b>	<b>10</b>

## NOTIS PENTING

Ini adalah **Polisi Insurans Harga Beli GAP (PPG) Anda**. **Anda** harus berpuas hati bahawa **Polisi** ini akan memenuhi keperluan anda. **Anda** perlu membaca dan memahami terma, syarat dan waranti polisi dan berbincang dengan penasihat insurans, ejen, broker **Anda** dan/atau dengan **Kami** secara langsung untuk maklumat lanjut dan/atau untuk menjelaskan sebarang keraguan yang **Anda** miliki, sebelum anda membeli **Polisi** ini. Jika terdapat sebarang kesilapan atau salah huraian, atau perlindungan tidak mengikut kehendak **Anda**, sila kembalikan **Polisi** kepada **Kami** dengan segera untuk pengubahsuaian.

**Anda** hendaklah mematuhi sepenuhnya dan memenuhi terma, syarat dan waranti **Polisi** ini untuk menikmati perlindungan yang disediakan. Jika **Anda** mempunyai sebarang soalan selepas membaca dokumen ini, sila hubungi **Kami** untuk penjelasan lanjut. Jika terdapat apa-apa perubahan dalam akaun **Anda** yang mungkin menjejaskan insurans yang disediakan, sila maklumkan kepada **Kami** dengan segera, jika tidak, **Anda** mungkin tidak menerima faedah **Polisi** ini.

Untuk membantu memelihara alam sekitar, **Kami** akan menghantar salinan bercetak bagi **Polisi** ini sekali sahaja. Sila simpan **Polisi** ini dengan selamat. Sekiranya berlaku pembaharuan dan/atau perubahsuaian **Polisi Anda**, **Kami** akan menghantar **Jadual Polisi** dan/atau **Pengendorsan** sahaja kepada **Anda**. Sekiranya pada bila-bila masa **Anda** memerlukan salinan **Polisi**, sila muat turun daripada [www.berjaysompo.com.my](http://www.berjaysompo.com.my).

Sekiranya **Anda** mempunyai sebarang aduan yang berkaitan dengan **Polisi** ini, sila hubungi

### COMPLAINTS UNIT – CUSTOMER SERVICE CENTRE

Berjaya Sompo Insurance Berhad  
No. Pendaftaran 198001008821 (62605-U)  
Tingkat 36, Menara Bangkok Bank  
105 Jalan Ampang  
50450 Kuala Lumpur  
Tel : 03-2170 7300  
Talian Bebas Tol : 1-800-883 373  
Fax : 03-2170 4800  
E-Mel : [customer@bsompo.com.my](mailto:customer@bsompo.com.my)

Jika **Anda** tidak berpuas hati dengan tindak balas **Kami**, **Anda** mungkin memilih untuk menghubungi sama ada:

### OMBUDSMAN FOR FINANCIAL SERVICES

Tingkat 14, Blok Utama  
Menara Takaful Malaysia  
4, Jalan Sultan Sulaiman  
50000 Kuala Lumpur  
Tel. : 03-2272 2811  
Fax : 03-2272 1577  
E-mel : [enquiry@ofs.org.my](mailto:enquiry@ofs.org.my)  
Laman Web : [www.ofs.org.my](http://www.ofs.org.my)

### LAMAN INFORMASI NASIHAT DAN KHIDMAT (LINK)

BNMLINK  
Bank Negara Malaysia  
P.O. Box 10922  
50929 Kuala Lumpur  
Tel : 1-300-88-5465/03-2174 1717 (Luar  
Negara)  
Fax : 03-2174 1515  
eLINK : <https://bnmlink.bnm.gov.my/>

## PERJANJIAN ANTARA KITA

**Polisi** ini dikeluarkan sejajar dengan pembayaran dari **Premium** yang ditentukan dalam **Jadual Polisi** dan menurut kenyataan yang telah dikemukakan di dalam Borang Cadangan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan segala kenyataan yang telah dibuat oleh pihak **Anda** pada atau semasa penyerahan Borang Cadangan **Anda** (atau semasa **Anda** memohon insurans ini) dan pada masa perjanjian ini ditandatangani. Jawapan dan sebarang pernyataan lain yang **Anda** berikan akan menjadi sebahagian daripada kontrak insurans antara **Anda** dan pihak **Kami**.

**Polisi** ini bertindak atas terma-terma dan syarat-syarat kontrak insurans seperti yang telah dipersetujui antara **Anda** dan pihak **Kami**.

## KEWAJIPAN PENDEDAHAN

Kewajipan pendedahan ini adalah berlainan untuk Kontrak Insurans Pengguna dan untuk Kontrak Insurans Komersial. Keduanya dinyatakan berasingan seperti di bawah:

### A. Kontrak Insurans Pengguna

Jika insurans yang **Anda** pohon ini tidak berkaitan sama sekali dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** berkewajipan mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat salah nyataan semasa menjawab apa-apa soalan dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan insurans ini) iaitu, **Anda** sepatutnya menjawab semua soalan dengan tepat dan sepenuhnya. Kegagalan mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab apa-apa soalan boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans **Anda** mengikut remedi-remedi yang diperuntukkan di bawah Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013. **Anda** juga dikehendaki mendedahkan lain-lain perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai.

**Anda** juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

### B. Kontrak Insurans Komersial

Jika insurans yang **Anda** pohon ini berkaitan sepenuhnya dengan perdagangan, perniagaan atau profesion **Anda**, **Anda** bertanggungjawab mendedahkan apa-apa perkara yang **Anda** tahu sebagai berkaitan kepada keputusan **Kami** sama ada untuk menerima atau tidak risiko dan kadar dan terma yang hendak dipakai serta apa-apa perkara seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangkakan tahu sebagai berkaitan, kegagalan membuat demikian boleh menyebabkan **Kami** mengelak kontrak insurans, menolak atau mengurangkan tuntutan **Anda**, menukar terma atau menamatkan kontrak insurans **Anda**.

**Anda** juga bertanggungjawab memberitahu **Kami** serta merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans **Anda** berkuat kuasa, semasa memohon dengan **Kami** untuk membuat perubahan atau memperbaharui, apa-apa maklumat yang diberi di dalam Borang Cadangan (atau semasa **Anda** membuat permohonan insurans ini) tidak tepat atau telah berubah.

## DEFINISI

Sesetengah perkataan dan ungkapan dalam **Polisi** ini telah dicetak dengan huruf tebal kerana ia telah diberikan makna tertentu:

### Fasal Nilai Dipersetujui

Ini merujuk kepada **Amaun Diinsuranskan** bagi **Kereta Anda** yang **Anda** telah bersetuju dengan **Syarikat Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**, dimana sekiranya terdapat tuntutan **Kerugian Sepenuhnya Amaun Diinsuranskan** adalah amaun yang boleh dibayar tanpa merujuk kepada sistem penilaian pasaran untuk menentukan nilai pasaran **Kereta Anda**. **Amaun Diinsuranskan** ini biasanya merujuk kepada Endorsmen 87 di dalam **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**.

### Penipuan

Ia merujuk kepada maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 415 (Penal Code) seperti berikut:

Barang siapa dengan memperdayakan mana-mana orang, sama ada atau tidak perdayaan tersebut ialah dorongan tunggal atau utama:

- (a) dengan curang atau tidak jujur mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk menghantar apa-apa harta kepada mana-mana orang, atau bersetuju bahawa mana-mana orang boleh menyimpan apa-apa harta; atau
- (b) dengan sengaja mendorong orang yang diperdayakan demikian untuk membuat atau meninggalkan untuk membuat apa-apa yang orang itu tidak akan buat atau meninggalkan untuk dibuat jika ia tidak diperdayakan demikian dan tindakan atau peninggalan yang mana menyebabkan atau mungkin menyebabkan kerosakan atau mudarat kepada badan, ingatan, reputasi atau harta mana-mana orang adalah dikatakan "menipu".

## Wang Tuntutan Dibayar

Ini adalah bayaran yang akan dibayar oleh pihak **Kami** untuk **Polisi** ini setelah penyelesaian amaun tertunggak di bawah pinjaman sewa beli **Kereta Anda**. Kami akan membayar baki wang ini seperti yang berikut:

- (1) pembayaran kepada **Anda**, jika **Polisi** ini dibeli oleh **Anda** tanpa **Pakej Pembelian Kenderaan**; atau
- (2) Dengan izin **Anda**, pembayaran dibuat kepada pengedar berdaftar, pihak francais atau penjual (jika berkaitan) **Kereta Anda**, jika **Polisi** ini adalah sebahagian daripada **Pakej Pembelian Kenderaan**.

## Amaun Yang Boleh Dituntut

Ini merujuk kepada amaun yang boleh dituntut di bawah **Polisi** ini, iaitu menentukan perbezaan di antara **Invois Harga Pembelian** kereta dan amaun **Kerugian Sepenuhnya** yang dibayar oleh **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**. Tertakluk kepada pelarasan, **Amaun Yang Boleh Dituntut** ini akan menjadi amaun penyelesaian penuh dan terakhir di bawah **Polisi** ini.

**Amaun Yang Boleh Dituntut Anda** adalah tertakluk kepada pelarasan berikut:

- a) Jika **Kereta Anda** kurang amaun diinsuranskan dalam **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** sama ada berdasarkan **Fasal Nilai Dipersetujui** atau **Nilai Pasaran**.
- **Kami** akan menilai semula tuntutan di bawah **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**, dan
  - **Kami** akan menggunakan **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada **Tarikh Kerugian** seperti yang ditentukan dan digunakan oleh **Syarikat Insurans Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian** sebagai **Kerugian Sepenuhnya** yang berkenaan, untuk tujuan menentukan **Amaun Yang Boleh Dituntut** di bawah **Polisi** ini.

**Amaun Yang Boleh Dituntut** = Perbezaan antara **Harga Pembelian Invois** dan **Nilai Pasaran** yang telah dinilai semula

- b) Jika **Anda** berunding untuk apa jua sebab dan bersedia menerima tuntutan **Kerugian Sepenuhnya** di bawah **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** yang lebih rendah daripada **Fasal Nilai Dipersetujui** atau **Nilai Pasaran Kenderaan Anda** pada **Tarikh Kerugian**.
- **Kami** akan menilai semula tuntutan di bawah **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**, dan
  - **Kami** hendaklah menggunakan **Fasal Nilai Dipersetujui** atau **Nilai Pasaran**, yang mana lebih tinggi, pada **Tarikh Kerugian** yang ditentukan dan digunakan oleh **Syarikat Insurans Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian** sebagai **Kerugian Sepenuhnya** yang berkenaan, untuk tujuan menentukan **Amaun Yang Boleh Dituntut** di bawah **Polisi** ini.

**Amaun Yang Boleh Dituntut** = Perbezaan antara **Harga Pembelian Invois** dan **Fasal Nilai Dipersetujui** atau **Nilai Pasaran** yang telah dinilai semula (yang mana lebih tinggi)

Seciranya **Nilai Pasaran Kereta Anda** di bawah **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** tidak dapat diperolehi daripada **Sistem Penilaian Kenderaan Bermotor yang Diluluskan oleh Industri**, **Nilai Pasaran** akan ditentukan oleh penyelaras yang didaftarkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, yang dilantik oleh **Kami**.

## Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian

Ini merujuk kepada **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** yang sah di atas nama **Anda** sepanjang **Tempoh Insurans** dan dikeluarkan oleh **Syarikat Insurans** yang sah di Malaysia dan melindungi **Kereta Anda** daripada kerosakan akibat kemalangan, kebakaran dan kecurian dan juga termasuk bencana-bencana lain jika dilanjutkan dalam polisi.

**Syarikat Insurans Polisi Komprehensif Kereta Persendirian Anda** harus menyelesaikan tuntutan **Kerugian Sepenuhnya Anda** sebelum **Polisi Insurans Harga Beli GAP (PPG)** boleh dituntut. **Anda** harus memastikan **Amaun Diinsuranskan** di bawah **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** adalah **TIDAK** kurang daripada **Nilai Pasaran** yang ditentukan oleh **Sistem Penilaian Kenderaan Bermotor yang Diluluskan oleh Industri** semasa **Anda** membeli atau memperbaharui **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** bagi mengelakkan kejadian kekurangan **Amaun Diinsuranskan** semasa menuntut di bawah **Polisi** ini.

## Jenayah Pecah Amanah

Ini merujuk kepada maksud yang ditakrifkan di bawah Seksyen 405 (Penal Code) seperti berikut:

Sesiapa, dalam apa-apa cara diamanahkan dengan harta, atau dengan apa-apa kuasa ke atas harta sama ada secara bersendirian atau bersama mana-mana orang lain, secara tidak jujur menyalahgunakan, atau menukar untuk kegunaannya sendiri, harta itu, atau secara tidak jujur menggunakan atau melupuskan harta itu dengan melanggar mana-mana arahan undang-undang yang menetapkan cara di mana amanah itu harus dilepaskan, atau mana-mana kontrak undang-undang, nyata atau tersirat, yang dia telah buat menyentuh penunaian amanah itu, atau dengan sengaja menyebabkan mana-mana orang lain berbuat demikian, melakukan "Jenayah Pecah Amanah".

### Tarikh Berkuat Kuasa

Ini merujuk tarikh mula berkuat kuasa **Polisi** ini seperti yang telah dinyatakan di dalam **Jadual Polisi Anda**.

**Tarikh Berkuat Kuasa Polisi ini haruslah tidak melebihi enam puluh (60) hari dari masa Invois Pembelian untuk Kereta Anda**

### Tarikh Kemalangan

Ini merujuk kepada tarikh kejadian atau kemalangan pada **Kereta Anda** yang mengakibatkan **Kerugian Sepenuhnya** yang akan dibayar di bawah **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**.

### Sistem Penilaian Kenderaan Bermotor yang Diluluskan oleh Industri

Ini merujuk kepada sistem penilaian pasaran yang diluluskan oleh Persatuan Insurans Am Malaysia (PIAM) dan digunakan oleh syarikat-syarikat insurans untuk menentukan **Nilai Pasaran** kereta bagi menetapkan **Amaun Diinsurankan** di dalam **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**.

*Berikutan adalah Sistem Penilaian Kenderaan Bermotor yang Diluluskan oleh Industri semasa:*

- *ISM-ABI – Insurance Services Malaysia (M) Sdn Bhd*
- *RedBook Valuation - Red Book Automotive Data Services (M) Sdn. Bhd.*
- *SNK Autoclaims – SNK Klasik Sdn. Bhd.*

### Insurans

Ini merujuk kepada, jika berkenaan, **Polisi Insurans Harga Beli GAP (PPG) Anda** yang disediakan oleh **Kami** atau **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**, dikeluarkan oleh **Kami** atau **Syarikat Insurans** lain.

### Syarikat Insurans

Ini merujuk kepada mana-mana syarikat insurans atau pengendali takaful yang diberikan kuasa yang menyediakan mana-mana insurans yang dirujuk dalam **Polisi** ini.

### Nilai Pasaran

Ini merujuk kepada nilai pasaran **Kereta Anda**, bagi tujuan menilai kejadian **Kerugian Sepenuhnya** atau **Tarikh Kemalangan** dalam **Polisi** ini. Nilai Pasaran boleh ditentukan daripada mana-mana **Sistem Penilaian Pasaran Kenderaan Bermotor yang Diluluskan oleh Industri** yang digunakan oleh **Syarikat Insurans** bagi **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**.

**Anda harus memastikan Amaun Diinsurankan atas Kereta Anda untuk Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda adalah tidak kurang daripada Nilai Pasaran semasa tempoh polisi insurans berkuat kuasa**

### Harga Pembelian Invois

Ini merujuk kepada harga beli yang **Anda** telah bayar untuk **Kereta Anda** kepada penjual motor yang berlesen dan berdaftar, dicatat dalam invois beli. Ini termasuk aksesori dipasang, Cukai Perkhidmatan tetapi tidak termasuk mana-mana kos daripada bayaran muka, premium insurans kenderaan, program jaminan, bayaran perlindungan premium dan pinjaman pulihan, atau mana-mana hutang yang dibawa dari perjanjian credit sebelumnya termasuk tunai kembali.

**Harga Pembelian Invois** akan dicatat di dalam **Jadual Polisi** ini.

### Tempoh Insurans

Ini merujuk kepada tempoh **Polisi** ini beroperasi, seperti yang dinyatakan pada **Jadual Polisi**.

### Jadual Polisi

Dokumen ini adalah sebahagian daripada **Polisi Insurans Harga Beli GAP (PPG)** dan menyatakan nama dan alamat **Anda**, **Tempoh Insurans**, seksyen-seksyen perlindungan yang berkenaan, premium yang **Anda** telah bayar, nombor pendaftaran **Kereta Anda** yang diinsurankan, **Harga Pembelian Invois** dan butiran-butiran tambahan atau endorsemen.

### Ekses Polisi

Ini merujuk kepada lebih yang dicatat dalam **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** yang memberi perlindungan kepada **Kereta Anda**.

**Semasa mengira Amaun Tuntutan, Ekses Polisi ini, jika ada, akan ditambah balik ke dalam amaun Kerugian Sepenuhnya yang dibayar di bawah Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda sebelum menolak amaun kasar Kerugian Sepenuhnya daripada Harga Pembelian Invois.**

### Amaun Diinsurankan

Ini merujuk kepada amaun yang dicatat dalam **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** dan reflektif kepada **Nilai Pasaran Kereta Anda** pada **Tarikh Berkuat Kuasa**. Jika berlakunya tuntutan **Kerugian Sepenuhnya**, amaun **Kerugian Sepenuhnya** akan dikira berdasarkan **Nilai Pasaran Kerugian Sepenuhnya** berlaku atau **Amaun Diinsurankan**, mengikut yang mana yang lebih rendah.

### Polisi Ini

Ini bermakna semua dokumen-dokumen termasuk perkataan polisi terkini dan **Jadual Polisi**, termasuk mana-mana endorsmen yang membentuk **Polisi Insurans Harga Beli GAP (PPG)**.

### Kerugian Sepenuhnya

Ini merujuk kepada tuntutan **Kerugian Sepenuhnya** sebenar atau di luar pembaikan ekonomi **Kereta Anda** yang di bawah **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** dimana tuntutan telah diselesaikan dengan salva **Kereta Anda** dilucuthakkan dan **Kerugian Sepenuhnya** sebenar atau di luar pembaikan ekonomi dibayar penuh dan penyelesaian terakhir.

### Pakej Pembelian Kenderaan

Ini merujuk kepada sebarang skim yang terikat dengan **Kereta Anda** semasa pembelian disetujui oleh **Anda**. Pakej ini biasanya disediakan oleh pengedar berdaftar, pihak francais atau penjual **Kereta Anda** sebagai perkhidmatan tambahan dan faedah serta membentuk bahagian penting pemilikan **Kereta Anda**. Ini akan dicatat dalam **Jadual Polisi Anda** untuk **Polisi** ini.

### Kami

Ini merujuk kepada Berjaya Sompo Insurance Berhad, **Syarikat Insurans** yang mengeluarkan **Polisi** ini.

### Haus and Lusuh

Ini merujuk kepada kemerosotan secara beransur-ansur disebabkan oleh penggunaan, umur dan jarak tempuh **Kereta Anda**.

### Kereta Anda

Ini merujuk kepada kereta persendirian baru yang dibeli oleh **Anda** seperti yang dicatat dalam **Jadual Polisi** ini dan juga **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**. Sila rujuk kepada Kenderaan Terkecuali dan Penggunaan Kenderaan Terkecuali di bawah Pengecualian Tertentu untuk memastikan **Kereta Anda** tidak terkecuali daripada perlindungan **Polisi** ini.

### Anda

Ini merujuk kepada pemegang polisi atau pihak yang namanya dicatat dalam **Jadual Polisi** sebagai "Pihak Diinsurankan".

## APA YANG AKAN KAMI LINDUNGI

Jika berlakunya **Kerugian Sepenuhnya** diisytiharkan oleh **Syarikat Insurans Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** dan **Syarikat Insurans** komprehensif kereta **Anda** membayar amaun **Kerugian Sepenuhnya**, pihak **Kami** akan membayar **Amaun Yang Boleh Dituntut** di bawah **Polisi** ini, iaitu:

Perbezaan antara amaun **Kerugian Sepenuhnya** dibayar oleh **Syarikat Insurans Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** dan **Harga Pembelian Invois Kereta Anda**, dengan syarat **Amaun Yang Boleh Dituntut**:

(a) *tidak melebihi RM200,000.00;*

(b) *tidak boleh dibayar jika bayaran **Kerugian Sepenuhnya** melebihi **Harga Pembelian Invois**.*

**Polisi** ini akan beroperasi jika **Anda** memegang **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** yang sah pada masa berlakunya **Kerugian Sepenuhnya** atau **Tarikh Kemalangan**, dan akan ditamatkan apabila **Amaun Yang Boleh Dituntut** telah dibayar atau pada luput tempoh **Polisi** ini.

**Anda** dinasihatkan untuk menginsuranskan **Kereta Anda** dengan **Amaun Diinsuranskan** yang wajar dalam **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian** dimana **Amaun Diinsuranskan** (tidak kira **Nilai Dipersetujui** atau sebaliknya) **TIDAK** boleh lebih rendah daripada **Nilai Pasaran** berdasarkan **Sistem Penilaian Kenderaan Bermotor yang Diluluskan oleh Industri** yang diguna pakai oleh **Syarikat Insurans Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**.

## KELAYAKAN UNTUK DIINSURANSKAN

**Anda** layak untuk mendapatkan perlindungan di bawah **Polisi** ini, pada permulaan **Polisi** ini dan dalam **Tempoh Insurans**:

- **Kereta Anda** dibiayai oleh Institusi Kewangan yang berlesen.
- **Kereta Anda** didaftar secara rasmi di Malaysia.
- **Kereta Anda** mempunyai keupayaan enjin tidak melebihi 3,000 C.C.
- **Kereta Anda** adalah di bawah perlindungan **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian** yang sah dari **Syarikat Insurans** yang berlesen dan berdaftar di Malaysia dengan **Amaun Diinsuranskan** tidak lebih rendah daripada **Nilai Pasaran Kereta**.
- **Kereta Anda** tidak termasuk di bawah Pengecualian Tertentu **Polisi** ini melainkan mendapat kelulusan daripada pihak **Kami** dan diendorskan ke dalam **Polisi** ini.
- Penggunaan **Kereta Anda** tidak termasuk di bawah Pengecualian Tertentu **Polisi** ini melainkan mendapat kelulusan daripada pihak **Kami** dan diendorskan ke dalam **Polisi** ini.
- **Harga Pembelian Invois Kereta Anda** tidak melebihi RM600,000.00.
- **Tarikh Berkuat Kuasa Polisi** ini mestilah tidak melebihi enam puluh (60) hari dari tarikh di Invois Pembelian.
- **Kereta Anda** haruslah tidak melebihi tiga (3) tahun dari tarikh pembuatan **Kereta Anda** pada masa **Tarikh Berkuat Kuasa Polisi** ini.
- **Anda** adalah pemilik berdaftar kepada **Kereta Anda** seperti yang dikenal pasti dalam **Jadual Polisi** untuk **Polisi** ini.
- Nama **Anda** adalah pemunya **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** untuk **Kereta Anda**.

Maksimum tempoh bagi **Polisi** ini adalah lima (5) tahun.

## PENGECUALIAN TERTENTU

**Polisi** ini tidak melindungi perkara berikut:

### 1. Kereta Terkecuali:

Kereta dengan keupayaan enjin melebihi 3,000 C.C.

- Diubahsuai daripada spesifikasi pembuat.
- Pemilikan sementara atau sebaliknya (pengambilalihan atau pemerolehan untuk pelepasan/pelucutan) oleh syarikat kereta sewa atau perniagaan diwujudkan untuk tujuan menjual atau memberi perkhidmatan kepada kereta.
- Kenderaan yang diklasifikasi sebagai kenderaan komersial, karavan motor, karavan, kit kereta atau kereta replika.
- Kenderaan kecemasan, teksi, bus, motosikal dan kenderaan berat lain.
- Kenderaan import terpakai
- Kereta dibeli dari Pulau Langkawi or Pulau Labuan.

### 2. Penggunaan Kenderaan Terkecuali:

- Mana-mana **Kereta** yang digunakan untuk pertandingan, percubaan (selain aktiviti mencari harta karun), perhimpunan, perlumbaan atau penggunaan di luar jalan.
- Mana-mana **Kereta** yang digunakan untuk sewaan atau mengutip tambang, pengangkutan barang, sekolah memandu, penghantaran kirim cepat, dan perkhidmatan kecemasan dan pemulihan.
- Mana-mana **Kereta** yang menggunakan sel bahan api atau cecair gas petroleum (LPG).
- Jikalau **Kereta Anda** digunakan di luar Malaysia, Brunei dan Singapura melebihi enam puluh (60) hari berturutan.



## PENGECUALIAN AM

Berikut adalah pengecualian dalam **Polisi** ini:

1. Kejadian kemalangan yang menyebabkan **Kerugian Sepenuhnya** berlaku sebelum **Tarikh Berkuat Kuasa Polisi** ini.
2. Kerosakan atau kecurian yang berniat jahat tanpa melampirkan laporan polis yang sah.
3. Dimana **Kereta Anda** dicuri dan ditemui dalam tempoh enam puluh (60) hari dari tarikh laporan polis dibuat kecuali jika **Kereta Anda** diisytiharkan sebagai **Kerugian Sepenuhnya** di bawah **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**.
4. Dimana **Kereta Anda** dicuri oleh seseorang yang mempunyai akses kepada kunci **Kereta Anda** melainkan kunci didapati adalah secara paksaan dan dengan kekerasan.
5. Dimana **Anda** atau **Pemandu Dibenarkan** memandu di bawah pengaruh minuman keras atau arak yang memabukkan, narkotik, dadah berbahaya atau dadah-dadah lain yang memudaratkan atau bahan yang memabukkan sehingga **Anda** atau Pemandu Dibenarkan tidak dapat mengawal **Kereta Anda** dengan baik.
6. Tuntutan yang telah ditolak atau tidak tertakluk kepada penyelesaian tuntutan di bawah **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**.
7. Tuntutan dimana **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** menawarkan untuk membaiki **Kereta Anda** tetapi **Anda** meminta untuk tuntutan diselesaikan dalam **Kerugian Sepenuhnya** dan tuntutan itu diselesaikan pada kos yang lebih rendah daripada 65% lebih rendah daripada **Nilai Pasaran** kenderaan **Anda** pada **Tarikh Kemalangan**.
8. Kos-kos tanggungan yang berlebihan, atau tidak termasuk dalam perlindungan seperti yang diperuntukkan di bawah insurans **Polisi** ini.
9. Sebarang **Kerugian** turutan.
10. **Kerugian** berlaku secara langsung atau tidak langsung, secara menyeluruh atau sebahagian, disebabkan oleh sebarang penyalahgunaan, tindakan atau peninggalan secara sengaja, atau menyalahi undang-undang oleh **Anda**.
11. **Polisi** ini tidak boleh ditukar milik kepada sesiapa, entiti atau memberi perlindungan kepada kereta lain.
12. **Kerugian** disebabkan oleh kegagalan atau ketidakupayaan mana-mana peralatan atau perisian komputer untuk mengenali, mentafsir secara betul atau memproses tarikh sebagai tarikh yang betul atau sebaliknya atau terus berfungsi dengan betul selepas tarikh itu.
13. **Kerugian** apabila pembaikan, penggantian, kerugian, kerosakan atau liabiliti boleh dituntut pada polisi insurans, waranti atau program jaminan yang lebih khusus.
14. Amaun yang ditolak dalam **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** tidak terhad kepada **Ekses Polisi, Haus dan Lusuh** atau kerosakan sedia ada pada **Kereta Anda**.
15. **Kerugian** akibat gempa bumi, letusan gunung berapi, taufan, ribut, tsunami, hujan batu, banjir, tanah runtuh atau fenomena geologi atau meteorologi jika **Anda** tidak dilindungi untuk kejadian tersebut dalam **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**.
16. **Polisi** ini tidak memberi perlindungan jika **Anda** atau Pemandu Dibenarkan tidak mempunyai lesen yang sah untuk memandu **Kereta Anda**. Pengecualian ini tidak akan terpakai sekiranya **Anda** atau Pemandu Dibenarkan memiliki lesen yang telah tamat tempoh tetapi tidak hilang kelayakan memiliki atau memperolehi lesen memandu di bawah undang-undang, undang-undang kecil atau peraturan yang ada.
17. Kos tambahan ditunjukkan pada **Harga Pembelian Invois** selain daripada pembelian **Kereta Anda**. Ini termasuk, walaupun tidak terhad kepada kos yang timbul daripada jumlah yang terlalu tinggi dan terlalu melambung untuk menampung bayaran pendahuluan, premium insurans kereta, program jaminan, bayaran premium perlindungan dan pemuliharaan pinjaman, atau mana-mana hutang kewangan yang dibawa daripada perjanjian kredit terdahulu termasuk mana-mana bentuk tunai bayar balik.
18. **Kerugian, kerosakan atau liability** yang disebabkan, yang dialami atau ditanggung oleh **Kereta Anda**, di mana **Amaun Yang Boleh Dituntut** adalah diberi oleh **Polisi** ini, dipandu oleh pemandu yang tidak dibenarkan memandu atau pemandu tanpa izin **Anda**.

## FASAL-FASAL/JAMINAN/ENDORSMEN

**Polisi** ini akan berkuat kuasa jika **Anda**:

- (a) mematuhi semua terma, syarat, endorsmen, fasal-fasal atau jaminan seperti yang dinyatakan dalam **Polisi** ini.
- (b) Mengambil semua langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjaga kenderaan **Anda** supaya dalam keadaan selamat dan layak dipandu di jalanraya.
- (c) mengambil langkah-langkah pencegahan yang sewajarnya bagi menjada **Kereta Anda** daripada kerugian atau kerosakan.
- (d) membenarkan **Kami** memeriksa **Kereta Anda** pada bila-bila masa yang wajar.

## BAGAIMANA POLISI ANDA BOLEH DIBATALKAN

**Anda** boleh membatalkan **Polisi** ini pada bila-bila masa dengan memberitahu **Kami** secara bertulis. Pemberitahuan tersebut akan berkuatkuasa mulai dari tarikh **Kami** menerima notis atau tarikh yang dinyatakan dalam notis **Anda**, yang mana kemudian **Kami** akan membayar balik premium dikira secara pro rata kepada **Anda** untuk **Tempoh Insurans** yang belum tamat, dengan syarat tidak ada tuntutan yang dibuat di bawah **Polisi** dan tertakluk kepada premium minimum sebanyak RM50.00.

**Kami** juga boleh batalkan **Polisi** ini dengan memberi **Anda** empat belas (14) hari notis bertulis kepada alamat e-mel atau alamat terakhir **Anda** didaftar dengan **Kami**, dan membayar balik premium dikira secara pro rata kepada **Anda** untuk **Tempoh Insurans** yang belum tamat.

## SYARAT-SYARAT TUNTUTAN

**Anda** harus mematuhi syarat-syarat di bawah untuk mendapat perlindungan sepenuh untuk **Polisi** ini. Jika **Anda** tidak mematuhi syarat-syarat di bawah, **Kami** mungkin, atas pilihan **Kami** membatalkan **Polisi Anda**, menolak tuntutan **Anda** atau mengurangkan amaun tuntutan dibayar.

- (a) **Kami** harus diberitahu secara bertulis atau melalui telefon mengenai butiran penglibatan **Kereta Anda**, tarikh kemalangan dan, jika mungkin, penerangan ringkas tentang kemalangan dalam tempoh masa tertentu seperti yang digariskan di bawah selepas situasi dimana **Kereta Anda** akan diselesaikan sebagai **Kerugian Sepenuhnya** di bawah **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** dan tuntutan ini akan menjadi subjek di bawah **Polisi** ini:
- dalam tempoh tujuh (7) hari jika **Anda** tidak hilang upaya dari segi fizikal atau tidak dimasukkan ke hospital akibat Kejadian itu; atau.
  - dalam tempoh tiga puluh (30) hari atau secepat yang boleh dilakukan jika **Anda** hilang upaya dan dimasukkan ke hospital akibat Kejadian itu.
  - Selain daripada (i) dan (ii), tempoh pemberitahuan yang lebih panjang akan dibenarkan jika **Anda** dapat memberikan bukti khusus serta justifikasi.
- (b) **Anda** harus mengambil semua langkah munasabah untuk melindungi **Kereta Anda** daripada kerosakan berlaku.
- (c) Mana-mana kejadian yang berpotensi kejadian **Kerugian Sepenuhnya** harus dilaporkan kepada pihak polis.
- (d) **Kami** tidak akan membayar untuk mana-mana kerugian atau kerosakan berpunca daripada **Penipuan** atau **Jenayah Pecah Amanah** oleh sesiapa.
- (e) **Anda** dikehendaki untuk menghubungi **Kami** supaya prosedur tuntutan boleh diterangkan kepada **Anda**. Untuk kelulusan tuntutan, **Anda** harus mengesahkan:
- Nombor **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**, **Syarikat Insurans** dan butiran **Kereta**.
  - Punca kejadian **Kerugian Sepenuhnya**.
  - Dokumentasi mengenai penyelesaian tuntutan **Kerugian Sepenuhnya** oleh **Syarikat Insurans Anda** yang memberi perlindungan **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**.
- Borang tuntutan akan dihantar kepada **Anda** untuk dilengkapi dan ditandatangani, dan dihantar balik kepada **Kami** untuk diproses serta-merta.
- (f) Tiada manfaat akan dibayar di bawah **Polisi** ini sehingga **Kami** menerima bukti dokumen seperti berikut:
- bayaran tuntutan untuk **Kerugian Sepenuhnya** di bawah **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** termasuk pecahan bayaran;
  - punca **Kerugian Sepenuhnya**;
  - laporan polis yang sah dan nombor rujukan jika ada kes kerosakan atau kecurian yang berniat jahat;
  - sejarah **Jadual** servis **Kereta Anda** sejak **Tarikh Berkuat Kuasa**, jika diminta oleh **Kami**;
  - invois beli **Kereta Anda** dengan **Harga Pembelian Invois** yang asli, jika diminta oleh **Kami**;
  - sebarang bukti lain yang mungkin diperlukan secara munasabah oleh **Kami**.
- Kami** tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos terlibat disebabkan kelewatan memohon atau mendapatkan bukti dokumen.
- (g) Dengan ini adalah difahami dan disetujui bahawa **Wang Tuntutan Dibayar** di bawah **Polisi** ini (selepas penyelesaian hutang kewangan atau pihak sewa beli) akan dibayar sama ada:
- kepada **Anda**, jika **Polisi** ini diuruskan oleh **Anda** tanpa **Pakej Pembelian Kenderaan**
  - dengan izin **Anda**, kepada Pengedar berdaftar, pihak francais atau penjual **Kereta Anda** (jika berkenaan di bawah sebarang **Pakej Pembelian Kenderaan**).

*Jika **Polisi** ini ditetapkan di bawah mana-mana **Pakej Pembelian Kenderaan**, **Anda** boleh memberikan izin kepada **Kami** untuk membayar baki wang tuntutan, jika ada, terus kepada pengedar berdaftar, pihak francais atau penjual **Kereta Anda**. **Jadual Polisi Anda** akan menyatakan jika **Pakej** atau **Skim** tersebut boleh digunakan.*

- (h) Di atas mana-mana tuntutan, atau mana-mana anggaran tuntutan diterima, **Kami** berhak untuk:
- Mengarah ajuster tuntutan atau jurutera untuk memeriksa **Kereta Anda** sebelum tuntutan dibenarkan. Apabila hak ini dilaksanakan, **Anda** harus bekerjasama dengan ajuster atau jurutera untuk menjalankan pemeriksaan tanpa sebarang kelewatan. Keputusan **Amaun Yang Boleh Dituntut** akan ditahan sehingga laporan diterima.
- (i) **Kami** tidak akan menerima liabiliti untuk pelupusan **Kereta Anda** atau bahagian-bahagian itu.

## BAGAIMANA KAMI AKAN MENYELESAIKAN TUNTUTAN ANDA

### Subrogasi

**Kami** berhak untuk mengambil sebarang langkah yang perlu atas nama **Anda** terhadap sesiapa termasuk, tetapi tidak terhad kepada **Syarikat Insurans Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** untuk menuntut sebarang wang dibayar oleh **Kami** untuk penyelesaian tuntutan **Anda** di bawah **Polisi** ini. **Anda** harus memberi kerjasama terhadap perkara ini. **Kami** mungkin juga akan mengambilalih perundingan dengan **Syarikat Insurans Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda** bagi tuntutan **Kerugian Kesepenuhnya Anda** dengan langkah-langkah pilihan **Kami**.

### Jika terdapat Lebih Daripada Satu Insurans Melindungi Kereta yang Sama

- (a) **Anda** hendaklah memberitahu **Kami** secara bertulis jika **Anda** telah mengambil sebarang insurans lain, sama ada serupa dengan **Polisi Insurans Harga Beli GAP (PPG) Kami** atau **Polisi Insurans Komprehensif Kereta Persendirian Anda**

semasa **Tempoh Berkuat Kuasa**.

- (b) Jika terdapat tuntutan timbul di bawah **Polisi** ini dan kerugian ini juga boleh dituntut di bawah polisi insurans lain yang diambil oleh **Anda**, **Kami** akan membayar mengikut perkadaran **Kami** bagi **Amaun Yang Boleh Dituntut**. **Kami** tidak akan membayar amaun tuntutan dahulu dan menuntut balik daripada insurans yang juga bertanggungjawab untuk membayar kerugian tersebut. Tiada apa-apa dalam syarat ini yang mengenakan **Kami** apa-apa liabiliti yang **Kami** tidak tertakluk kepada syarat tersebut.

#### **Pembayaran Premium**

Premium harus dibayar secara asas "Pembayaran Sebelum Berkuatkuasa".